



PERUBAHAN PENYATA CUKAI PENDAPATAN

Selaras dengan langkah penambahbaikan sistem percukaian STARS yang mana akan dialihkan ke One Common Portal (OCP), Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita memaklumkan bahawa penelitian semula telahpun dilaksanakan ke atas Penyata Cukai Pendapatan yang pada masa ini digunakan oleh syarikat-syarikat bagi pemfailan cukai pendapatan secara tahunan.

2. Dalam pada itu, Bahagian Hasil sukacita memperkenalkan Borang Penyata Cukai Pendapatan yang baru yang akan mula digunakan bagi pemfailan cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 2022 melalui OCP.

3. Bahagian Hasil seterusnya ingin memaklumkan mengenai pengenalan keperluan bagi syarikat-syarikat untuk menghadapi *general ledger* dan *tax schedules* (yang berkenaan) mulai Tahun Taksiran 2022. Bagi membolehkan syarikat-syarikat membiasakan diri dengan keperluan baru ini, penangguhan masa (*grace period*) selama enam bulan akan diberikan iaitu sehingga 31 Disember setiap tahun taksiran untuk dua tahun taksiran berturut-turut sahaja (Tahun Taksiran 2022 dan 2023). Pengenalan keperluan ini adalah bertujuan untuk memastikan syarikat-syarikat menyimpan rekod perakaunan mereka dan membantu dalam pengumpulan data untuk kegunaan di masa akan datang. Orang ramai bolehlah mendapatkan templat *tax schedules* tersebut melalui laman sesawang www.ocp.mofe.gov.bn atau www.mofe.gov.bn.

4. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi Bahagian Hasil sama ada melalui email di alamat revenue@mofe.gov.bn; atau melalui telefon di talian +673 2383933 atau +673 2380651.



Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh: 30 Oktober 2021